

12 SEP 2001

BSKL-DAGANGAN

KEPUTUSAN KERAJAAN GANTUNG SEMENTARA DAGANGAN BSKL DIPUJI

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Langkah kerajaan untuk menggantung dagangan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berikutan penutupan pasaran-pasaran saham Amerika Syarikat dipuji sebagai langkah bijak yang akan menyekat penjualan bahis-habisan saham-saham di bursa tempatan itu.

Dengan kerugian besar yang ditanggung oleh bursa-bursa asing semalam sebagai reaksi kepada serangan-serangan ke atas World Trade Center di New York dan Pentagon, ketua penyelidikan TA Securities Chie Kieng Ngu merasakan bahawa penutupan BSKL adalah untuk "menghalang kejutan yang tidak perlu."

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa BSKL akan ditutup hari ini setelah beliau memutuskan untuk membatalkan perjalanannya ke London lewat malam tadi.

Bercakap kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang, beliau juga berkata beliau tidak pasti selama mana BSKL akan ditutup.

Di samping BSKL, Bursa Derivatif Malaysia dan Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ) juga ditutup hari ini.

Chie berkata apabila beliau mendapat tahu mengenai serangan itu semalam, reaksi segeranya ialah bahawa BSKL mungkin jatuh sebanyak 4.0 hingga 8.0 peratus.

"Saya menjangka kajatutan yang amat teruk (di BSKL) tetapi syukur kerana penutupan itu, ia tidak berlaku," katanya.

"Ia adalah pemikiran yang cepat ... langkah luar biasa bagi masa luar biasa," kata Chie.

Ditanya sama ada bijak bagi BSKL menutup beberapa hari lagi hingga kebimbangan terhadap serangan itu tenang, katanya, "Saya fikir kita patut lihat ini berasaskan hari ke hari untuk melihat apa akan berlaku berikutnya. Adalah terlalu awal untuk menyatakan."

Chie berkata BSKL mungkin tidak mampu mengekalkan paras semasanya sebaik ia menyambung dagangan sekiranya bursa-bursa saham di seluruh dunia terus jatuh.

"Ia bergantung kepada pasaran-pasaran dan peristiwa-peristiwa keseluruhan (global)," tambahnya.

Semalam, BSKL ditutup lebih rendah dengan tand aras Indeks Komposit turun 4.74 mata kepada 690.54 kerana aktiviti-aktiviti pengambilan untung susulan.

"Kita perlu melihat bagaimana kerajaan AS bertindak balas kepada serangan itu, sama ada ia akan membalas dan mengakibatkan kemungkinan musibah yang teruk kepada ekonomi dunia (secara keseluruhan)," kata beliau.

Chie berkata sementara adalah mudah untuk memberitahu para pelabur jangan bertindak balas keterlaluan apabila BSKL memulakan operasi sepenuhnya, para pelabur juga harus bertindak secara rasional.

Pengarah urusan Capital Dynamics Asset Management Sdn Bhd Tan Teng Boo berkata penutupan BSKL bertujuan untuk mengelakkan penjualan panik.

Bagaimanapun, beliau berpendapat bahawa kejatuhan sementara di bursa itu apabila ia dimulakan semula adalah dijangka "sebelum orang ramai sedar semula."

Tan percaya bahawa reaksi serta merta pasaran saham tempatan apabila ia menyambung dagangan akan datang mungkin berbeza dengan kejatuhan harga semasa krisis kewangan serantau yang lalu atau malahan Perang Teluk.

"Sama ada panik di pasaran-pasaran kewangan akan terus bergantung

kepada bagaimana AS bertindak balas. Makna simbolik serangan ke atas kedua-dua tempat itu adalah amat penting," tegasnya.

Beliau juga menyatakan bahawa serangan itu juga mempunyai kesan sampingan pelbagai seperti sama ada ekonomi AS akan terjunam ke dalam kemelesetan teruk, harga tenaga kekal pada paras tinggi dan kejatuhan berterusan dolar AS.

"Keadaan akan menjadi semakin mengelirukan," kata Tan.

Ditanya sama ada penurunan berterusan di dalam pasaran-pasaran Eropah dan Jepun akan mengakibatkan "banyak pengejaran" di BSKL apabila ia menyambung dagangan, Tan berkata, "Sukar untuk menyatakan. Kita tidak tahun lama mana BSKL akan ditutup dan yang lebih pentingnya bagaimana prestasi Wall Street apabila ia dibuka semula."

Beralih kepada kebimbangan terhadap ekonomi AS dan global yang semakin buruk berikutan serangan itu, Tan berkata, "Saya mendapati pengulas-pengulas AS membandingkan serangan itu dengan Pearl Harbour Kedua. Kita akan terpaksa melihat sama ada keyakinan pengguna AS diancam dan ia akan menjunam seperti Perang Teluk."

Seorang penganalisis berpangkalan di bank, sementara itu, berkata melihat daripada kejatuhan bursa-bursa serantau, tanda aras BSKL Indeks Komposit mungkin menurun kepada 650 mata jika bursa itu dibuka hari ini.

"Sepatutnya, tidak harus ada kesan yang besar tetapi reaksi awal ialah jualan panik kerana bencana di AS itu akan menyebabkan kemelesetan ekonomi dunia yang lebih teruk.

"Bagaimanapun, saya tidak nampak kenapa kita harus bimbang sangat terhadap serangan AS dan kesannya ke atas ekonomi kita. Secara keseluruhan, mungkin terdapat sedikit kesan ke atas ekaport kita tetapi ini akan diimbil oleh strategi pertumbuhan berorientasi domestik Malaysia," katanya.

Beliau juga menyebut bahawa perbadanan minyak negara, Petronas, mungkin mendapat faedah sekiranya harga minyak dan gas dunia terus kekal tinggi berikutan serangan di AS itu.

Penganalisis itu merasakan bahawa adalah bijak bagi penutupan tidak tetap BSKL sehingga keadaan menjadi tenang dan kerana sebab dan alasan di sebalik serangan itu disahkan.

Katanya serangan ke atas World Trade Center berhampiran bangunan Bangsa-bangsa Bersatu seolah-olah menunjukkan bahawa orang yang bertanggung jawab mahu mengujudkan ketegangan politik di seluruh dunia.

"Jika keadaan menjadi lebih buruk di AS, ramalan masa depan yang meningkat ke atas ekonomi kita akan terhad," katanya.

Sekiranya ini berlaku, CI mungkin menjunam kepada 550 mata tetapi pelabur-pelabur jangka panjang akan mengambil kesempatan daripada kejatuhan itu untuk membeli saham, tambahnya. -- BERNAMA

MAD SHY OS